



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERLAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)  
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

**GARIS PANDUAN PELESENAN GEOSPATIAL DAN  
PENGIRAAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL**

**Dikelilingkan Kepada:**

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan**



**KETUA SETIAUSAHA**

*Secretary General*

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

***Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability***

Aras 10, Blok F11, Kompleks F,

Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62574 PUTRAJAYA

Tel : +603-8886 1652

Faks : +603-8889 4851

Portal rasmi : [www.nres.gov.my](http://www.nres.gov.my)

**Rujukan kami** : KETSA.PGN.(S)600-1/2/1 (6)

**Tarikh** : 10 JANUARI 2024

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

**Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Berkanun**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

**GARIS PANDUAN PELESENAN GEOSPATIAL DAN PENGIRAAN HARGA DATA  
PRODUK GEOSPATIAL**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan mengedarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pelesenan Geospasial dan Pengiraan Harga Data Produk Geospasial untuk melindungi kepentingan data produk geospasial yang dihasilkan oleh agensi-agensi di seluruh negara yang menggantikan Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI Bilangan 1 Tahun 2005 - Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial.
2. Garis panduan baharu ini khusus untuk pelaksanaan pelesenan geospasial dan penambahbaikan ke atas tatacara pengiraan harga data produk geospasial bagi tujuan pelepasan data.

**LATAR BELAKANG**

3. Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) merupakan program nasional yang merangkumi kerjasama dan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam sektor geospasial bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan penjana ekonomi negara.
4. Pada masa ini, penerbitan semula data produk geospasial oleh pihak ketiga melalui perkongsian atau jualan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana tiada instrumen kawalan yang jelas. Ini akan merugikan kerajaan kerana data produk geospasial di APD adalah bernilai tinggi.
5. Selain itu, semua Agensi Pembekal Data (APD) bertanggungjawab mentaksir hasil ke atas pelaburan yang digunakan bagi menghasilkan data produk geospasial di

semua peringkat operasi yang melibatkan kerja di pejabat dan di lapangan untuk menjamin kecekapan urus tadbir kewangan.

## **GARIS PANDUAN**

6. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk -

- i) memberi panduan kepada Agensi Pembekal Data (APD) dalam tatacara pelesenan data produk geospasial;
- ii) memberi panduan kepada APD dalam tatacara pengiraan harga data produk geospasial bagi tujuan perkongsian dan pelepasan data geospasial dalam pelaksanaan MyGDI;
- iii) membantu APD menentukan kadar harga bagi setiap data produk geospasial yang diterbitkan;
- iv) merekod kos penjimatan kerajaan berdasarkan nilai kos sebenar harga data produk geospasial yang telah dikongsi dan dilepaskan oleh APD secara pengecualian bayaran melalui konsep Kerajaan kepada Kerajaan (G2G); dan
- v) menyelaraskan lesen geospasial dan pengiraan harga data produk geospasial mengikut perubahan semasa.

7. Semua APD, *Custodian* Data dan Agensi Tunjak sebagaimana di **Lampiran A** adalah diminta untuk memberi perhatian kepada garis panduan yang disediakan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini terpakai kepada semua agensi sektor awam yang terlibat dalam urusan berkaitan MyGDI.

## **PEMBATALAN**

9. Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI Bilangan 1 Tahun 2005 - Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial adalah dengan ini dibatalkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

10. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## **PERTANYAAN**

11. Sebarang pertanyaan berhubung Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pusat Geospatial Negara (PGN)  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62574 PUTRAJAYA  
No. Telefon : +603 - 8886 1156  
No. Faks : +603 - 8889 4851  
E-mel : pgn.webmaster@nrecc.gov.my

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
DR. CHING THOO-ai KIM

## KANDUNGAN

| PERKARA                                                                                 | MUKA SURAT |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| <b>1 TUJUAN.....</b>                                                                    | <b>1</b>   |
| <b>2 TAFSIRAN.....</b>                                                                  | <b>1</b>   |
| <b>3 OBJEKTIF.....</b>                                                                  | <b>3</b>   |
| <b>4 PENENTUAN LESEN GEOSPATIAL DAN PENGIRAAN HARGA DATA<br/>PRODUK GEOSPATIAL.....</b> | <b>3</b>   |
| <b>5 PERMOHONAN PENDAFTARAN PELESENAN GEOSPATIAL.....</b>                               | <b>4</b>   |
| <b>6 PENGIRAAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL.....</b>                                    | <b>4</b>   |
| <b>7 PENJUALAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL.....</b>                                    | <b>6</b>   |
| <b>8 PEREMITAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL.....</b>                                    | <b>6</b>   |
| <b>9 KESIMPULAN.....</b>                                                                | <b>6</b>   |
| <b>LAMPIRAN A.....</b>                                                                  | <b>8</b>   |
| SENARAI <i>CUSTODIAN</i> DAN AGENSI TUNJAK.....                                         | 8          |
| SENARAI AKRONIM.....                                                                    | 17         |
| <b>LAMPIRAN B.....</b>                                                                  | <b>19</b>  |
| CONTOH KADAR PELESENAN GEOSPATIAL.....                                                  | 19         |
| <b>LAMPIRAN C.....</b>                                                                  | <b>20</b>  |
| CONTOH CADANGAN BORANG PERMOHONAN PELESENAN PRODUK<br>GEOSPATIAL.....                   | 20         |
| <b>LAMPIRAN D.....</b>                                                                  | <b>22</b>  |
| CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PELESENAN GEOSPATIAL....                              | 22         |
| <b>LAMPIRAN E.....</b>                                                                  | <b>23</b>  |
| 1. KOS LANGSUNG.....                                                                    | 23         |
| 2. KOS TAK LANGSUNG.....                                                                | 25         |
| 3. BORANG RINGKASAN KOS.....                                                            | 26         |
| <b>LAMPIRAN F.....</b>                                                                  | <b>27</b>  |
| CONTOH PENGIRAAN KOS LANGSUNG, KOS TAK LANGSUNG DAN<br>RINGKASAN KOS.....               | 27         |
| <b>LAMPIRAN G.....</b>                                                                  | <b>39</b>  |
| CONTOH PENGIRAAN KADAR HARGA DATA GEOSPATIAL NEGERI PULAU<br>PINANG.....                | 39         |

# GARIS PANDUAN PELESENAN GEOSPATIAL DAN PENGIRAAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL

---

## 1 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pelaksanaan pelesenan geospasial dan pengiraan harga data produk geospasial yang menggantikan Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005 - Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial.

## 2 TAFSIRAN

Bagi maksud Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

**APD** ertinya Agensi Pembekal Data;

**Agensi Sektor Awam** ertinya kementerian atau jabatan kerajaan di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;

**Agensi Tunjak** ertinya ketua daripada kalangan *Custodian* Data yang dipilih di dalam Mesyuarat Agensi Tunjak dan *Custodian* Data, yang bertanggungjawab menyelaras aktiviti berkaitan dengan data di bawah jagaan *Custodian* Data berkenaan;

***Custodian* Data** ertinya agensi dalam kalangan pembekal data geospasial yang bertanggungjawab mengurus data geospasial, kualiti, integriti dan memberikan kebenaran akses kepada capaian data;

**data** ertinya fakta, statistik, representasi maklumat atau konsep yang disediakan dalam bentuk elektronik dan boleh disampaikan, dianalisis atau diproses sama ada oleh komputer atau kaedah automatik yang lain;

**data geospasial** ertinya apa-apa fitur semula jadi atau binaan di atas ruang angkasa, udara, muka bumi, bawah tanah dan maritim yang merujuk kepada sistem rujukan geografi tertentu;

**fitur** ertinya gambaran butiran objek di bumi sama ada bagi objek semula jadi atau buatan manusia (*man-made*). Contoh: bangunan, jalan raya, sungai dan sebagainya;

**Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI)** ertinya program nasional yang merangkumi kerjasama dan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam sektor geospasial bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan serta penjanaaan ekonomi negara;

**maklumat geospasial** ertinya maklumat berhubung lokasi, bentuk, sempadan dan penerangan berkaitan pelbagai ciri geografi yang diperolehi daripada semua aktiviti geospasial;

**metadata** ertinya data yang menerangkan setiap kandungan butiran atau koleksi data yang merangkumi pelbagai kandungan butiran dan peringkat hierarki;

**Pembekal Data** ertinya individu atau entiti kerajaan yang bukan *custodian* data geospasial tetapi membekalkan bagi pihak *Custodian Data*;

**pengutipan** ertinya aktiviti pengumpulan dan penawanan data geospasial sama ada secara pengukuran di darat (*terrestrial*), bawaan udara (*air-borne*) atau bawaan angkasa (*space-borne*);

**penukaran** ertinya aktiviti olahan dan pengemaskinian data geospasial mengikut standard serta spesifikasi yang ditetapkan;

**penambahan** ertinya aktiviti data geospasial yang telah digabungkan dan ditingkatkan kualitinya;

**peremitan** ertinya peremitan merupakan pengurangan atau pengecualian daripada fi pembekalan (kadar harga) data produk geospasial seperti mana yang telah ditetapkan dan diluluskan;

**perkongsian** ertinya Agensi Sektor Awam berkongsi data produk geospasial secara selamat antara Agensi Sektor Awam, swasta, penyelidik dan lain-lain bagi tujuan mengoptimumkan potensi data; dan

**data produk geospasial** ertinya hasil output akhir data produk geospasial sama ada dalam bentuk digital pelbagai format atau salinan keras seperti pelan dan lain-lain mengikut spesifikasi ditetapkan yang mengandungi data produk geospasial.

### 3 OBJEKTIF

- 3.1 Pada masa ini, data produk geospasial yang merupakan harta intelek dihasilkan oleh APD tidak dilindungi oleh lesen geospasial. Keperluan lesen geospasial ini adalah untuk memberi perlindungan ke atas hak cipta asal daripada disalah guna dan diterbitkan semula tanpa kebenaran dan kawalan yang sewajarnya.
- 3.2 Selain itu, penjualan data geospasial oleh APD juga tidak dapat direalisasikan dengan sepenuhnya disebabkan kebanyakan APD tidak mempunyai kadar harga bagi produk-produk mereka.
- 3.3 Garis panduan ini dapat membantu APD melaksanakan pelesenan geospasial dan menentukan kadar harga data setiap data produk geospasial yang dihasilkan mengikut keadaan semasa.
- 3.4 Penyeragaman kadar harga data geospasial melalui platform perkongsian dan pelepasan data yang sistematik di kalangan Pembekal Data geospasial dapat membantu pertumbuhan ekonomi dan tadbir urus perkhidmatan kerajaan dengan lebih baik.

### 4 PENENTUAN LESEN GEOSPATIAL DAN PENGIRAAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL

- 4.1 Dalam menentukan kadar lesen geospasial dan pengiraan harga data produk geospasial, APD seharusnya memberi pertimbangan yang sewajarnya dengan tidak mengambil kira keuntungan tetapi sekadar mendapatkan pulangan kos sahaja.
- 4.2 APD berhak menentukan kadar lesen geospasial masing-masing. Contoh kadar pelesenan geospasial adalah seperti di **Lampiran B** dan contoh borang permohonan lesen geospasial adalah seperti di **Lampiran C**.
- 4.3 APD berhak mengenakan fi tahunan bagi pelesenan produk geospasial yang hak ciptanya terletak hak pada Kerajaan Persekutuan. APD boleh mengenakan fi tahunan dengan menjadikan Perintah Fi dan Bayaran (Perkhidmatan, Data Ukur dan Pemetaan serta Reproduksi) 2010 [*P.U. (A) 410/2010*] sebagai panduan.
- 4.4 APD juga berhak mengenakan suatu caj tambahan ke atas harga asal data sebagai balasan terhadap usaha menambah nilai data yang dijalankan atas permintaan pengguna dan juga kos medium.

- 4.5 Para 4.4 dilaksanakan dengan merujuk kepada Perenggan 6.2 Pekeliling Perbendaharaan Negara WP 10.1 (Pengurusan Wang Awam) iaitu Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan yang menyatakan bahawa Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk meluluskan kadar bayaran yang disyorkan oleh Jabatan masing-masing tanpa perlu berunding dengan Perbendaharaan.

## **5 PERMOHONAN PENDAFTARAN PELESENAN GEOSPATIAL**

- 5.1 Mana-mana APD yang berhasrat untuk memohon pendaftaran lesen geospacial, hendaklah mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Kaedah permohonan pelesenan geospacial adalah seperti carta alir di **Lampiran D**.

## **6 PENGIRAAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL**

- 6.1 Kadar harga setiap data produk geospacial hendaklah ditetapkan bagi tujuan penjualan, perkongsian dan pelepasan data kepada pemohon.
- 6.2 Asas penetapan kadar harga data produk geospacial mengambil kira elemen-elemen seperti berikut:
- 6.2.1 emolumen termasuk segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain;
  - 6.2.2 kemudahan termasuk sewaan, perolehan dan penyenggaraan peralatan serta perisian yang digunakan. Unsur susut nilai berdasarkan jangka hayat peralatan perlu diambil kira;
  - 6.2.3 penggunaan bahan mentah untuk pengeluaran seperti toner, dakwat, kertas dan lain-lain;
  - 6.2.4 kos *overhead* seperti utiliti (elektrik, telefon dan internet), sewaan pejabat, pengangkutan dan sebagainya;
  - 6.2.5 kos perolehan data dari pembekal luar; dan
  - 6.2.6 kos-kos lain yang terlibat (sekiranya ada).

- 6.3 Elemen-elemen dalam pengiraan harga data yang menghasilkan data produk geospasial adalah berdasarkan kos langsung dan kos tidak langsung. Kedua-dua kategori kos ini meliputi proses pengutipan, penukaran dan penambahan nilai data produk geospasial.
- 6.4 Kos langsung bagi sesuatu output ialah merupakan semua butiran kos yang boleh dikenalpasti atau dihubung secara terus kepada output tersebut. Contoh kos langsung adalah emolumen kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran output dan juga bahan-bahan yang digunakan untuk mengeluarkan output tersebut. Secara prinsipnya, komponen kos langsung ini hendaklah diagih secara terus kepada output berkenaan.
- 6.5 Asas pengiraan kos langsung ialah kos tenaga kerja langsung, kos bahan langsung, kos peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kos penggunaan aset dan kos langsung lain. Sila rujuk **Lampiran E** iaitu **Jadual 1** sehingga **Jadual 5**.
- 6.6 Kos tak langsung pula adalah seperti kos bekalan pejabat, kakitangan sokongan, penyelenggaraan, telefon, elektrik, air, sewa bangunan dan lain-lain yang perlu dilakukan dalam pengeluaran output, tetapi tidak boleh dikenalpasti secara terus kepada sesuatu output. Secara logiknya, kos tak langsung sepatutnya dibahagikan di antara berbagai output mengikut asas pembahagian yang sesuai.
- 6.7 Asas pengiraan kos tak langsung ialah kos tenaga kerja tak langsung, kos bahan tak langsung dan kos tak langsung lain. Sila rujuk **Lampiran E** iaitu **Jadual 6** sehingga **Jadual 8**.
- 6.8 Nilai hasil yang diperolehi daripada pengiraan kos langsung dan kos tak langsung di Jadual 1 hingga Jadual 8 tersebut akan digunakan ke dalam Borang Ringkasan Kos seperti **Lampiran E** iaitu **Jadual 9**.
- 6.9 Format Borang Ringkasan Kos ini adalah laporan kos output yang menunjukkan jumlah kos dan kos seunit mengikut komponen masing-masing. Format Borang Ringkasan Kos ini boleh diubah suai mengikut kesesuaian APD bagi mendapatkan kos output harga data produk geospasial.
- 6.10 **Lampiran F** adalah contoh data dan pengiraan bagi kos langsung, kos tak langsung serta ringkasan kos. Contoh pengiraan ini adalah sumber daripada *Penang Geographic Information System (PeGIS)*.
- 6.11 Manakala **Lampiran G** adalah contoh pengiraan harga data produk geospasial. Contoh pengiraan ini adalah sumber daripada PeGIS.

## **7 PENJUALAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL**

- 7.1 Pihak APD boleh mengambil tindakan sewajarnya dalam menguruskan penjualan data produk geospasial yang telah dipersetujui oleh pengurusan tertinggi di APD masing-masing sehingga mendapat kelulusan harga jualan data produk geospasial.
- 7.2 Bagi Kementerian/Jabatan yang mempunyai akta kawalan berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan, maka Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang telah diluluskan mengikut kepada peruntukan akta tersebut.
- 7.3 Bagi agensi negeri dan PBT, kelulusan penjualan harga data produk geospasial perlu dilakukan oleh kerajaan negeri bagi tujuan penyeragaman harga data produk geospasial.
- 7.4 Hasil daripada penjualan data produk geospasial hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Yang Disatukan (Persekutuan atau Negeri) dengan menggunakan kod hasil yang telah ditetapkan mengikut prosedur kewangan semasa yang berkuat kuasa. Tatacara pungutan dan perakaunannya hendaklah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang berkaitan.

## **8 PEREMITAN HARGA DATA PRODUK GEOSPATIAL**

- 8.1 Pihak APD boleh mempertimbangkan peremitan keseluruhan atau sebahagian daripada kadar harga data produk geospasial yang telah ditetapkan atas budi bicaranya.

## **9 KESIMPULAN**

- 9.1 Data produk geospasial yang dihasilkan oleh APD mengandungi maklumat yang mempunyai nilai harga serta boleh memberi impak yang tinggi kepada keselamatan negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan pelesenan geospasial berupaya mengawal penyebaran data geospasial agar tidak terlepas kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.
- 9.2 Perkongsian dan pelepasan data produk geospasial secara berbayar mengikut jenis data dan kategori berupaya meningkatkan produktiviti dan menjana hasil pendapatan kepada APD tersebut.
- 9.3 Konsep *Collect Once, Used by Many* akan menjimatkan kos operasi APD dan seterusnya menguntungkan kerajaan.

- 9.4 Pelaksanaan kepada garis panduan ini akan melicinkan urusan pelesenan dan penentuan harga data produk geospasial terbitan APD agar dapat dilindungi dengan mengikut kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Semua APD hendaklah mengambil daya usaha yang sewajarnya dalam melaksanakan garis panduan ini.

## SENARAI CUSTODIAN DAN AGENSI TUNJAK

| <b>A – AERONAUTICAL</b>                                                                                                             |                              |                                                    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|----------------------------------------------------|
| Kategori ini mengandungi data geospasial yang berkaitan dengan pengangkutan udara seperti seperti ruang udara dan lapangan terbang. |                              |                                                    |
| <b>AGensi TUNJAK: PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)</b>                                                               |                              |                                                    |
| <b>SUB-KATEGORI</b>                                                                                                                 | <b>DATA FUNDAMENTAL</b>      | <b>CUSTODIAN</b>                                   |
| Ruang Udara<br>(Air Space - AA )                                                                                                    | Navigation Aid               | CAAM, TUDM                                         |
| Lapangan Terbang<br>(Aerodrome - AB)                                                                                                | Lapangan Terbang (Aerodrome) | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Padang Terbang (Airfield)    | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport, JUPEM |
|                                                                                                                                     | Aerodrome Control Tower      | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport, JUPEM |
|                                                                                                                                     | Runway                       | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport, JUPEM |
|                                                                                                                                     | Runway Strip                 | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Stopway                      | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Clearway                     | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Approach Surface             | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Take-off Climb Surface       | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Transitional Surface         | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Inner Horizontal Surface     | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Conical Surface              | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Outer Horizontal Surface     | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Obstacle Free Zone (OFZ)     | CAAM                                               |
|                                                                                                                                     | Threshold                    | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Holding Point                | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Taxiway                      | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport, JUPEM |
|                                                                                                                                     | Aircraft Parking Stand       | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Apron                        | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Localiser                    | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Glideslope                   | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Wind Direction Indicator     | CAAM, MAHB, TUDM, SATSSB, Tg. Manis Airport        |
|                                                                                                                                     | Obstacle                     | CAAM, MAHB, TUDM                                   |
|                                                                                                                                     | Aeronautical Ground Lighting | CAAM, MAHB, TUDM                                   |
|                                                                                                                                     | Heli Port                    | MAHB, TUDM                                         |

| <b>B – BUILT ENVIRONMENT</b>                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                               |                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|-----------------------------------|
| Kategori ini mengandungi data geospasial yang berkaitan dengan lokasi bangunan atau tempat- tempat yang telah dikhaskan untuk kegunaan tertentu sebagai tempat untuk kediaman, komersil, industri, institusi, pendidikan, keagamaan, rekreasi, perkuburan dan struktur kekal |                                                               |                                   |
| <b>AGENS TUNJAK: JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)</b>                                                                                                                                                                                                              |                                                               |                                   |
| <b>SUB-KATEGORI</b>                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>DATA FUNDAMENTAL</b>                                       | <b>CUSTODIAN</b>                  |
| Kediaman<br>( <i>Residential</i> - BA)                                                                                                                                                                                                                                       | Bangunan Kediaman ( <i>Resident Building</i> )                | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri, JPPH |
| Komersial<br>( <i>Commercial</i> - BB)                                                                                                                                                                                                                                       | Bangunan Komersial ( <i>Commercial Building</i> )             | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pejabat ( <i>Office</i> )                                     | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Kedai ( <i>Shop Office/Shop House</i> )                 | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pejabat Pos ( <i>Post Office</i> )                            | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Bank                                                          | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Hotel                                                         | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Apartel                                                       | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pasar ( <i>Market</i> )                                       | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Beli-belah ( <i>Shopping Arcade/Complex</i> )           | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pasar Raya Besar ( <i>Hypermarket/Supermarket</i> )           | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Kedai Runcit ( <i>Retail</i> )                                | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Hiburan ( <i>Entertainment Centre</i> )                 | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Restoran ( <i>Restaurant</i> )                                | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
| Industri ( <i>Industrial</i> - BC)                                                                                                                                                                                                                                           | Bangunan Industri ( <i>Industrial Building</i> )              | JUPEM, Unit GIS Negeri            |
| Institusi<br>( <i>Institutional</i> - BD)                                                                                                                                                                                                                                    | Bangunan Institusi ( <i>Institutional Building</i> )          | JUPEM, JKR                        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Hospital                                                      | JUPEM, JKR, KKM                   |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Klinik ( <i>Clinic</i> )                                      | JUPEM, JKR, KKM, Unit GIS Negeri  |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Balai Bomba dan Penyelamat ( <i>Fire and Rescue Station</i> ) | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Balai Polis ( <i>Police Station</i> )                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Latihan Polis ( <i>Police Training Centre</i> )         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pondok Bit Polis ( <i>Police Bite</i> )                       | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Penahanan ( <i>Detention Centre</i> )                   | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Pemulihan (Rehabilitation Centre)                       | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Penjara ( <i>Prison</i> )                                     | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pejabat Kerajaan ( <i>Government Office</i> )                 | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Dewan Bandaraya ( <i>Town Hall</i> )                          | JUPEM, JKR, DBKL, Unit GIS Negeri |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Mahkamah ( <i>Court</i> )                                     | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Muzium ( <i>Museum</i> )                                      | JUPEM, JKR                        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Pusat Sains ( <i>Science Centre</i> )                         | JUPEM, JKR                        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Teater Seni ( <i>Art Theatre</i> )                            | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Perpustakaan ( <i>Library</i> )                               | JUPEM, JKR, PNM                   |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Bangunan Memorial ( <i>Memorial</i> )                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Multi Purpose House                                           | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Balai Raya ( <i>Community Hall</i> )                          | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Asrama ( <i>Hostel</i> )                                      | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Asrama Belia ( <i>Youth Hostel</i> )                          | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Persatuan ( <i>Club House</i> )                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Kebajikan ( <i>Welfare Home</i> )                       | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Penjagaan Orang Tua ( <i>Old Folk Home</i> )            | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Kanak-kanak Cacat ( <i>Handicapped Home</i> )           | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Rumah Anak Yatim ( <i>Orphanage</i> )                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri       |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Stesen Pertanian ( <i>Agricultural Station</i> )              | DOA,                              |
| Pendidikan<br>( <i>Educational</i> - BE)                                                                                                                                                                                                                                     | Bangunan Pendidikan ( <i>Educational Building</i> )           | JUPEM, JKR, KPM, KPT              |

| <b>B – BUILT ENVIRONMENT</b>                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                               |                                    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------|
| Kategori ini mengandungi data geospasial yang berkaitan dengan lokasi bangunan atau tempat- tempat yang telah dikhaskan untuk kegunaan tertentu sebagai tempat untuk kediaman, komersil, industri, institusi, pendidikan, keagamaan, rekreasi, perkuburan dan struktur kekal |                                                                               |                                    |
| <b>AGENS TUNJAK: JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)</b>                                                                                                                                                                                                              |                                                                               |                                    |
| <b>SUB-KATEGORI</b>                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>DATA FUNDAMENTAL</b>                                                       | <b>CUSTODIAN</b>                   |
| Keagamaan<br>( <i>Religious – BF</i> )                                                                                                                                                                                                                                       | Bangunan Keagamaan ( <i>Building of Worship</i> )                             | JUPEM, Unit GIS Negeri             |
| Kemudahan<br>Rekreasi<br>( <i>Recreational - BG</i> )                                                                                                                                                                                                                        | Stadium                                                                       | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Kompleks Sukan ( <i>Sport Complex</i> )                                       | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Kompleks Renang ( <i>Swimming Complex</i> )                                   | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Kolam Renang ( <i>Swimming Pool</i> )                                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Arena Basikal ( <i>Velodrome</i> )                                            | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
|                                                                                                                                                                                                                                                                              | Taman Permainan ( <i>Play Groud</i> )                                         | JUPEM, JKR, Unit GIS Negeri        |
